05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PRAKTIK PENGAJARAN DAN PERSEPSI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MAHMUD, RAUB, PAHANG TERHADAP APRESIASI SENI.

CHE MAT TAKIYUDIN B CHE IBRAHIM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

16.04.07 CHE MAT TAKIYUDIN B CHE IBRAHIM
M20051000158

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge.

16.04.07 CHE MAT TAKIYUDIN B CHE IBRAHIM
M20051000158

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghargaan

Segala puji bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga Baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaan-Nya, segala rintangan dan halangan dapat diatasi, segala dugaan dapat ditempuhi dan berkat kesabaran serta harapan, akhirnya cita-cita terkabul jua.

Terlebih dahulu ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi, penyelia utama penulisan disertasi ini di atas bimbingan dan bantuan sehingga selesai penulisan ini.

Pisang emas di bawa belayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh di bayar,
Hutang budi di bawa mati.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Seni dan Muzik yang sudi memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan penulisan disertasi ini. Sesungguhnya ilmu setitik yang dicurahkan akan kujadikan segunung intan dalam melayari kehidupan ini.

Akhir sekali buat isteriku yan tercinta,

Lailah bt Othman,

Abang ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberikan sokongan dan semangat dalam menyiapkan pengajian peringkat sarjana ini, dan untuk puteri-puteriku tersayang,

Che Nurul Nadzirah,
Che Nurul Hanani,
Che Nurul Zulaikha dan
Che Nurul Husna,

Abi mohon kemaafan kerana waktu yang sering mencemburui untuk kita bermesra. Sesungguhnya pengertian dari anakanda amat Abi hargai.

Che Mat Takiyudin B Che Ibrahim
Tanjung Malim, 2007

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan di kalangan guru dan persepsi pelajar terhadap salah satu bidang dalam Pendidikan Seni Visual iaitu Apresiasi Seni. Kajian tentang pelaksanaan Apresiasi Seni di kalangan guru menjurus kepada pengetahuan guru dalam Apresiasi Seni dan pelaksanaannya di dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Kajian dilakukan juga tentang persepsi pelajar terhadap Apresiasi Seni sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Kajian kes ini dilakukan di Sekolah Menengah Mahmud, Raub, Pahang yang melibatkan 50 orang pelajar yang mengambil Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan 3 orang guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Setiap data telah dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual dan soal selidik terhadap guru dan pelajar.

Analisis kajian mendapati sesi Apresiasi Seni dijalankan oleh guru dan penglibatan pelajar dalam mengapresiasi sesebuah karya seni adalah 66% pelajar seringkali terlibat dalam sesi tersebut manakala selebihnya kadang-kadang ataupun tidak pernah melibatkan diri. Seterusnya langkah-langkah serta kajian lanjutan dicadangkan bagi mengatasi kelemahan pelajar dalam Apresiasi Seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

The research aims to acknowledge the implementation of art appreciation of teachers and students perception on visual art education. Reseach of art appreciation focuses on the knowledge of teachers regarding the teaching of visual art education in school. Research on students art appreciation during teaching and learning (T&L) session is also being conducted.

The case studyis done in Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang that involves 50 students that takes visual art as an elective subject for Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). In addition the research also incledes opinion from three teachers teaching visual art. Qualitative approach is the method used for this research. Data are gathered through observation, conversation and survey from teachers and students.

The findings show that 66% of students are involved in a session of art appreciation conducted by a visual art teachers. The rest of the students are not involved with the class at all. Thus measures are students to solve the problem regarding the lack of art appreciation among students in class.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
KATA SINGKATAN	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sejarah Ringkas Sekolah	4
1.3 Latar Belakang Kajian	5
1.4 Permasalahan Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Tujuan Kajian	8
1.7 Signifikan Kajian	9
1.8 Batasan Penyelidikan	11
1.8.1 Tempat	11
1.8.2 Sasaran Kajian	11
1.8.3 Tumpuan Kajian	12
1.9 Penyusunan Penulisan	12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 14

2.2 Konsep 16

2.2.1 Konsep Apresiasi 16

2.2.2 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran 19

2.2.3 Konsep Pelajar 20

2.2.4 Konsep Guru 21

2.2.5 Konsep Yang Dipilih 23

2.3 Kerangka Teoritik 24

2.3.1 Teori Perkembangan Kognitif 24

2.3.2 Teori Pembelajaran Konstruktivisme 25

2.3.3 Teori Behaviorisme 28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan 30

3.2 Pendekatan Penyelidikan 31

3.3 Reka Bentuk Penyelidikan 32

3.4 Fokus Kajian 34

3.5 Sumber Data 37

3.6 Proses Pengumpulan Data 38

3.6.1 Atur Cara Sebelum Penyelidikan 38

3.6.2 Atur Cara Semasa Penyelidikan 39

3.6.3 Atur Cara Selepas Penyelidikan 40

3.7 Prosedur Penganalisisan Data 40

3.7.1 Analisis Diskriptif 41

3.8 Jadual Penyelidikan 42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 HASIL PENYELIDIKAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan 43

4.2 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Di SEMUDRA 44

4.2.1 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Guru 1 44

4.2.2 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Guru 2 45

4.2.3 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Guru 3 46

4.3 Cara Guru Menarik Minat Pelajar Untuk Berapresiasi 47

4.4 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Apresiasi Seni 53

4.5 Perbincangan 64

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 66

5.2 Kesimpulan 67

5.3 Cadangan Mengatasi Kelemahan Penguasaan Apresiasi Seni Relajar 68

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 69

Rujukan 70

Lampiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Jadual 4.1	53
2. Jadual 4.2	54
3. Jadual 4.3	56
4. Jadual 4.4	57
5. Jadual 4.5	59
6. Jadual 4.6	60
7. Jadual 4.7	61
8. Jadual 4.8	62

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka Surat
1. Gambar 4.1	46
2. Gambar 4.2	50
3. Gambar 4.3	51
4. Gambar 4.4, 4.5, 4.6 & 4.7	52
5. Gambar 4.8	55

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KATA SINGKATAN

Penuh	Singkatan
1. Sijil Pelajaran Malaysia	SPM
2. Pendidikan Seni Visual	PSV
3. Pusat Perkembangan Kurikulum	PPK
4. Kurikulum Baru Sekolah Rendah	KBSR
5. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	KBSM
6. Penilaian Menengah Rendah	PMR
7. Sekolah Menengah Mahmud, Raub	SEMUDRA
8. Pengajaran dan Pembelajaran	P & P
9. Borang Pemerhatian Guru 1	BPG1
10. Borang Pemerhatian Guru 2	BPG2
11. Borang Pemerhatian Guru 3	BPG3
12. Guru 1	G1
13. Guru 2	G2
14. Guru 3	G3
15. Universiti Teknologi Mara	UTM
16. Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
17. Soalan Guru 1	RG1
18. Soalan Guru 2	RG2
19. Soalan Guru 3	RG3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Pendidikan Seni merupakan salah satu mata pelajaran yang menjadi pilihan kepada pelajar atau calon-calon yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pendidikan Seni sebenarnya telah diajar kepada pelajar semenjak di peringkat awal lagi iaitu sewaktu kanak-kanak tersebut dalam kelas peralihan atau pra-sekolah sebelum kanak-kanak berkenaan meneruskan pelajarannya di sekolah rendah seterusnya di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata pelajaran Pendidikan Seni yang sedia ada diubah dengan nama mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Di samping itu, usaha untuk menambahbaikkan kandungan kurikulum yang sedia ada juga turut dilakukan. Antara matlamat Pendidikan Seni Visual ialah;

> "Matlamat PSV Sekolah Menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kandungan kurikulum berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang kearah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan."
>
> (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000 :2)

Antara objektif Pendidikan Seni Visual yang ditetapkan bagi peringkat Sekolah Menengah pula ialah;

1. Menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan
2. Memupuk budaya penyelidikan dalam proses penghasilan karya seni visual.
3. Meningkatkan pengetahuan, daya kreativiti, inovasi, disiplin serta kemahiran dalam bidang seni visual yang dapat diamalkan dalam kehidupan dan kerjaya.
4. Menggunakan pelbagai kemahiran, media, teknik, teknologi untuk mereka cipta barangan kraf dan produk seni visual yang berkualiti.
5. Membuat diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian terhadap karya seni visual.
6. Mendapat nilai tambah dalam disiplin sains teknologi dan mata pelajaran lain.
7. Menghargai sumbangan dan pengaruh tokoh-tokoh seni visual dalam konteks perkembangan sejarah seni visual di Malaysia dan antara bangsa.
8. Menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9. Menyedari dan menghargai suasana seni dalam persekitaran dan kaitan dengan keselesaan hidup.

10. Membina jati diri ke arah pembentukan negara bangsa.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000 :2-3)

Semenjak pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menjadi lebih penting. Di peringkat Sekolah Rendah, ianya merupakan satu mata pelajaran yang wajib manakala di peringkat Menengah Rendah pula, PSV menjadi mata pelajaran teras walaupun tidak dimasukkan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dengan ini Pendidikan Seni bukan merupakan satu mata pelajaran yang menjadi pilihan pelajar Menengah Rendah.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual hanya menjadi mata pelajaran pilihan atau elektif pada peringkat Menengah Atas iaitu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini bermakna pelajar yang belajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bermula dari prasekolah, diikuti sekolah rendah dan seterusnya di sekolah Menengah Rendah hanya dinilai kebolehannya sewaktu di peringkat Menengah Atas iaitu tingkatan empat dan lima serta pra-universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Sejarah Ringkas Sekolah

Sekolah yang menjadi pilihan penulis untuk dibuat kajian tentang pelaksanaan Apresiasi Seni ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub atau ringkasnya SEMUDRA. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah menengah yang terdapat dalam daerah Raub, Pahang. Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub merupakan salah sebuah sekolah menengah yang terawal dibina di bandar Raub. Kedudukannya di dalam kawasan bandar Raub menjadikan sekolah tersebut sebagai pilihan bagi keluarga yang tinggal di kawasan sekitar bandar Raub.

Sekolah Menengah Mahmud Raub telah mula beroperasi pada tahun 1920. Sejak ditubuhkan, sekolah ini telah menggunakan beberapa nama bermula dengan Private English School, Anglo-Chinese School, Government English School dan Raub English School. Akhirnya sekolah ini diberi nama Mahmud School (setelah ditubuhkan selama 31 tahun), mengambil sempena nama Sultan Pahang yang kedua, Sultan Mahmud yang memerintah Pahang dari tahun 1914-1917. Kini sekolah ini dikenali dengan nama Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang.

Bilangan guru yang bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub pada tahun ini (2007) ialah seramai 97 orang iaitu 40 orang guru lelaki dan 57 orang guru perempuan. Jawatan Pengetua di sekolah ini di sandang oleh Tn Hj Misnan b Mohd Damin, Guru Penolong Kanan Pentadbiran Pn Hjh Siti Mahani bt Abdul Ghani, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid En Abdul Razak b Jamaludin, dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum En Adnan b Ahamad. Jumlah pelajar adalah melebihi 1800 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Latar Belakang Kajian

Dalam mencari dan menentukan permasalahan yang wujud di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub, khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, penulis telah menetapkan tujuan tinjauan yang akan dilakukan. Hasil daripada tinjauan berkenaan maka akhirnya penulis telah mendapat satu keputusan iaitu untuk dibuat kajian tentang "Praktik Pengajaran Dan Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang Terhadap Apresiasi Seni".

Mengambil kata-kata Mohd Johari Ab Hamid dalam *Falsafah Dan Kritikan Seni*, merenung seketika kurikulum yang diajar di sekolah, tidak ada lagi secara serius bidang kritikan dan Apresiasi Seni dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di peringkat sekolah rendah. Begitu juga lanjutan dari peringkat menengah atas hingga ke pusat pengajian tinggi. Kalau adapun hanyalah sekadar pengisian atau terpulang kepada guru yang mengajar berkenaan.

Justeru itu, penulis telah beranggapan bahawa sesi Apresiasi Seni merupakan satu sesi yang penting dalam meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni. Kejayaan guru dalam memainkan peranan sewaktu sesi Apresiasi Seni boleh membantu dalam mencambahkan lagi minat pelajar kumpulan atas (pendidikan seni biasanya difokuskan kepada pelajar kelas akhir) untuk turut mengambil dan menjadikan subjek Pendidikan Seni sebagai salah satu mata pelajaran yang perlu diambil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Permasalahan Kajian

Dalam mencari pernyataan terhadap masalah yang dikemukakan ini, penulis telah menetapkan bahawa penulisan atau kajian akan hanya tertumpu kepada permasalahan mengenai Apresiasi Seni yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang.

Kebanyakan masalah yang dialami oleh guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan masalah yang sama dialami di mana-mana sekolah. Menurut Zakaria (1984), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dianggap tidak penting oleh sebilangan pelajar. Pendapat ini disokong oleh kajian rintis Iberahim Hassan (2000) di kalangan pelajar antaranya, Pendidikan Seni tidak memberi faedah, membosankan, tiada peperiksaan tidak perlu belajar. Malahan lebih ketara lagi menurut Mat Desa (2000), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual atau Pendidikan Seni kurang menyakinkan. Ini bermakna jika dibiarkan mata pelajaran tersebut mungkin tidak mempunyai nilai dalam kurikulum.

Penghasilan seni memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan Asas Seni Reka dalam pelbagai teknik kemahiran. Apa yang penting menurut Alvin Toffer dalam Mat Desa (2000), terdapat tiga kemahiran perlu dilalui pelajar iaitu;

a. Kemahiran Pembelajaran
b. Kemahiran Pemahaman dan Peningkatan
c. Kemahiran Memilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual, kemahiran seperti yang dinyatakan perlu dipupuk terhadap pelajar agar mereka tahu menggunakannya kelak. Pusat Perkembangan Kurikulum (1996) dalam menggariskan Sukatan Pelajaran Minimum Pendidikan Seni Tingkatan 4 dan 5 KBSM yang dikeluarkan laporannya terdapat 17 permasalahan dikenalpasti di kalangan pelajar. Antara masalah yang berkaitan ialah;

a. Pelajar tidak menyediakan peralatan yang diperlukan semasa pembelajaran Pendidikan Seni dijalankan.
b. Pelajar masih tidak berminat walaupun dorongan dan kemudahan disediakan.
c. Pelajar menganggap mata pelajaran Pendidikan Seni tidak penting kerana tiada peperiksaan awam peringkat Menengah Rendah.
d. Pelajar tiada keyakinan kebolehan sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fokus kajian ini adalah tentang pelaksanaan Apresiasi Seni di kalangan pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Masalah ini dipilih oleh penulis berdasarkan kepada situasi semasa terutamanya apabila kebanyakan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub tidak memberikan atau menunjukkan rasa berharga terhadap satu-satu karya yang mereka telah hasilkan dengan titik peluh mereka sendiri. Penulis memerhatikan ramai pelajar sebenarnya berbakat dalam Pendidikan Seni Visual ini dan adalah penting bagi penulis untuk cuba memberikan sedikit penghargaan terhadap satu-satu karya di dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang utama dalam penyelidikan ini ialah ; Praktik Pengajaran Dan Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, 27600 Raub, Pahang Terhadap Apresiasi Seni. Secara terperincinya antara sub-sub topik yang dibicarakan ialah;

a. Bagaimanakah Apresiasi Seni dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni?
b. Bagaimanakah guru Pendidikan Seni menarik minat pelajar untuk berapresiasi?
c. Bagaimana persepsi pelajar terhadap subjek apresiasi seni yang dijadikan bahan pengajaran seni oleh guru seni?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini untuk memperlihatkan dan memerhatikan usaha dan aktiviti yang dilakukan oleh guru dan pelajar dalam bidang Pendidikan Seni Visual melalui sesi Apresiasi Seni. Dalam menghasilkan penulisan ini, penulis telah menetapkan antara tujuan penulisannya;

a. Memahami dan menjelaskan proses perlaksanaan Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru-guru pendidikan seni visual di sekolah.
b. Menjelaskan kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan seni sewaktu proses Apresiasi Seni dijalankan.
c. Memahami Apresiasi Seni di kalangan pelajar terhadap karya seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Signifikan Kajian

Dengan penulisan kajian yang dilakukan oleh penulis ini adalah diharapkan ianya dapat memberikan makluman dan pengetahuan yang berguna bukan sahaja kepada guru-guru Pendidikan Seni Visual sahaja tetapi kepada semua guru yang sebelum ini merasakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni Visual hanyalah sebagai satu mata pelajaran yang tidak memberikan apa-apa kepentingan dan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju seseorang pelajar itu setelah tamat alam persekolahan nanti.

Bagi golongan pelajar pula, kepentingan kajian ini adalah ianya dapat memberikan ilmu pengetahuan dalam menilai dan menghargai satu-satu hasil karya. Selain itu, penguasaan terhadap Pendidikan Seni dapat memberikan pilihan kepada pelajar berkenaan untuk berkecimpung dalam pelbagai bidang pekerjaan apabila tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) nanti. Kajian ini juga dapat menimbulkan rasa kekaguman terhadap satu-satu karya yang dilihat dan diamati itu oleh pelajar.

Apa yang paling penting, melalui kajian yang dilakukan oleh penulis ini adalah diharapkan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ini sebagai satu mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan diajarkan tentang apresiasi dan kritikan seni ini akan menjadi penghubung antara penggiat dan penghayat seni yang ada di negara kita. Ini kerana hanya mereka yang tahu tentang seni boleh menilai sesebuah karya yang dihasilkan itu sama ada bermutu atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga adalah untuk memperlihatkan dan memerhatikan usaha yang dilakukan oleh guru untuk menarik dan meningkatkan minat pelajar dalam bidang Pendidikan Seni Visual melalui apresiasi seni. Dalam menghasilkan penulisan ini, penulis telah menetapkan antara tujuan penulisannya ialah;

a. Membantu pelajar dalam menimbulkan minat dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.
b. Memberikan kesedaran terhadap pelajar tentang nilai sesebuah karya yang dihasilkan pelajar.
c. Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar yang lain tentang ilmu Pendidikan Seni
d. Mencari langkah-langkah dalam menarik pelajar agar lebih berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Akhir sekali dapatan kajian ini diharapkan boleh memberi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan, misalnya perancang kurikulum Pendidikan Seni Visual, pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa untuk mengambil langkah yang sewajarnya mengenai pentingnya penguasaan seseorang pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Batasan Penyelidikan

Proses menyiapkan kajian ini, penulis menghadapi berbagai masalah. Kajian ini dijalankan mengikut batasan tertentu terutama mengenai tempat, contoh kajian dan tumpuan. Antara batasan yang ada ialah;

1.8.1 Tempat

Tempat kajian ini dijalankan ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub ataupun ringkasnya SEMUDRA yang terletak di dalam negeri Pahang.

1.8.2 Sasaran Kajian

Kajian ini akan menggunakan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub untuk dijadikan data kajian. Seramai 53 orang yang terdiri daripada 50 orang pelajar dari tingkatan 4 dan 5 yang mengambil dan memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Selain itu seramai 3 orang guru turut dipilih untuk menjayakan kajian ini.

Kajian ini juga hanya dijalankan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku iaitu pada hari persekolahan biasa. Kajian ini dilakukan sebanyak sekali pemerhatian terhadap guru iaitu bermula pada bulan Januari hingga penghujung bulan Mac 2007.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Tumpuan Kajian

Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan Apresiasi Seni di sekolah yang terpilih di kalangan pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.9 Penyusunan Penulisan

Penulisan Disertasi ini telah disusun seperti berikut;

Bab 1 berisikan latar belakang kajian yang mengetengahkan sejarah ringkas sekolah yang terpilih iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub. Selain itu dalam bab ini juga dimasukkan latar belakang kajian dan permasalahan kajian serta persoalan kajian. Dimasukkan juga tujuan kajian, signifikan atau kepentingan kajian serta batasan penyelidikan.

Dalam Bab 2 dihuraikan tentang tujuan literature yang merangkumi kerangka teoritik iaitu Teori-teori perkembangan seperti Teori Perkembangan Kognitif (intelek, persepsi dan bahasa), Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Behaviurisme serta konsep-konsep yang digunakan sebagai penjelasan dalam penulisan disertasi yang merangkumi konsep-konsep seperti apresiasi, pengajaran dan pembelajaran, pelajar dan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab 3 pula membicarakan tentang metodologi penyelidikan yang merangkumi ; pendekatan penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, fokus kajian, sumber data, prosedur pengumpulan data, prosedur menganalisis data dan matrik pengumpulan data yang telah dirancangkan.

Bab 4 seterusnya menghuraikan tentang dapatan dan rumusan yang merangkumi perihal sampel kajian iaitu rumusan soal selidik dikalangan pelajar, pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran, rumusan soal selidik guru dan dapatan kajian yang menjawab kepada persoalan yang diutarakan dalam kajian ini iaitu bagaimanakah Apresiasi Seni dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni, bagaimanakah guru Pendidikan Seni menarik minat pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran apresiasi seni serta sejauhmanakah apresiasi pelajar terhadap karya seni yang dijadikan bahan sebagai objek pengajaran seni.

Akhirnya dalam Bab 5 pula ialah huraian cadangan dan perbincangan yang dicadangkan oleh penulis iaitu cadangan mengatasi masalah kelemahan Apresiasi Seni dikalangan pelajar serta cadangan kajian lanjutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Dalam membicarakan tentang Apresiasi Seni khususnya di sekolah, kita seringkali dikaitkan dengan kurangnya kefahaman pelajar tentang apresiasi dan penghargaan terhadap karya seni. Dalam mencari punca terhadap permasalahan ini, kita sebagai seorang pendidik yang telah menjadikan atau memilih pendidikan seni sebagai bidang utama (sebahagiannya guru bukan opsyen) perlulah terlebih dahulu menguasai aspek-aspek dan teknik-teknik yang terdapat dalam Apresiasi Seni itu sendiri terutamanya melalui deria sentuh dan pandang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permasalahan penulis ini timbul ekoran daripada ramainya pelajar di SEMUDRA ini yang tidak menghargai satu-satu hasil karya seni yang telah siap. Seringkali pelajar akan membuang, meninggalkannya dalam kelas ataupun meletakkan di mana-mana sahaja hasil karya mereka. Keadaan ini tidak boleh dipersalahkan kepada pelajar seratus-peratus kerana mereka akan melakukan perbuatan berkenaan mungkin kerana mereka tidak mengetahui. Menurut Mazlan b Mohamad (1997), individu yang arus pencapaian apresiasi seninya rendah tidak mungkin ia berpegang atau memperjuangkan sesuatu tentang seni. Jadi tugas kita sebagai pendidik perlulah menerapkan nilai Apresiasi Seni dalam setiap waktu Pendidikan Seni itu sendiri.

Dalam kajian ini, penulis akan mengetengahkan tentang bagaimana kita sebagai pendidik perlu memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar ke arah menghayati dan menghargai setiap hasil seni itu. Menurut Zakaria Ali (1989), Apresiasi Seni adalah salah satu bidang kritikan seni di mana ianya merupakan latihan yang melibatkan sepenuhnya deria pandang dan sentuh. Di samping itu, pelajar pula perlulah bersedia dengan apa yang diarahkan oleh guru. Dengan ini barulah sesi apresiasi seni akan menjadi satu sesi yang menyeronokkan dan yang dinanti-nantikan oleh pelajar.

Memandangkan kajian penulis menjurus kepada Sekolah Menengah, kurikulum Pendidikan Seni Visual lebih menjurus kepada kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek-aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan dan apresiasi seni. Segala proses ini akan menyentuh aspek-aspek estetik dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konsepsi pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Konsep

2.2.1 Konsep Apresiasi

Apresiasi seni merupakan sebahagian daripada bidang kritikan seni. Dalam memperkatakan tentang kritikan seni, sesuatu karya seni itu perlu dilihat dari aspek Asas Seni Reka dan Prinsip Rekaan. Dengan hanya melihat kepada Asas Seni Reka dan Prinsip Rekaan semata-mata, kita masih gagal untuk menilai sesebuah hasil karya seni itu. Ini keran kita juga perlu memahami pengkarya, dan idea yang ingin disampaikan melalui karya tersebut. Apresiasi memerlukan kita merasakan seperti terlibat sama dalam gambaran dan suasana yang dilihat. Dengan itu barulah dikatakan satu apresiasi atau penghargaan seni itu akan lebih jelas dan lengkap.

Menurut Soedarso S.P;

> Perkataan "apresiasi" berasal dari kata asing "*appreciatie*" (Belanda), "*appreciation*"(Inggeris), dan menurut kamus-kamus Inggeris, "*to appreciate*", iaitu bentuk kata kerjanya bererti : *to judge the value of; understand or enjoy fully in the right way (Oxford); to estimate the quality of; to estimate rightly; to be sensitively aware of (Webster)*; dan masih ada pula yang menambahnya dengan .....*to be sensitive to the aesthetic value of.*
>
> (Soedarso S.P 1990:77)

Maka secara umunya dapatlah dikatakan bahawa apresiasi bermaksud: mengetahui, menilai, menghayati serta peka pada nilai estetik sesuatu karya seni. Dalam mengapresiasi sesuatu karya seni, seseorang itu perlulah mengetahui tentang asas-asas seni serta prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya malah perlu juga mengetahui tentang latar belakang sesuatu ciptaan karya tersebut. Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> .....mengapresiasi kurang lebih berarti : mengerti serta menyadari sepenuhnya sehingga mampu menilai semestinya; sedang dalam hubungannya dengan seni menjadi : mengerti dan menyadari sepenuhnya seluk-beluk sesuatu hasil seni serta menjadi sensitif terhadap segi-segi estetiknya, sehingga mampu menikmati dan menilai karya tersebut dengan semestinya.
>
> (Soedarso S.P 1990:77)

Menurut Sairi K.M dalam *Taksonomi Seni* (2001:5), Apresiasi Seni adalah penikmatan, penghargaan dan pemahaman terhadap karya seni. Dengan demikian, mengapresiasi karya seni bererti menikmatinya, menghargainya, dan memahaminya mengapa kita bersikap positif terhadap karya seni itu.

Sebagai kesimpulan terhadap maksud Apresiasi Seni, dapatlah dikatakan bahawa Apresiasi merupakan satu proses penghayatan dari seorang penghayat seni ketika beliau berhadapan dengan sesuatu karya seni bagi mencapai taraf kepuasan tertentu karya tersebut. Kepuasan yang diperolehi adalah melalui simpati terhadap tokoh, hasil karya dan juga empati terhadap karya tersebut.

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam memperkatakan tentang apresiasi seni ini, eloklah kita perhatikan dahulu tentang sejarah apresiasi seni itu sendiri. Menurut Ahmad Suhaimi b Mohd Noor (2000), sejarah apresiasi seni yang awal telah dapat dikesan dalam *Republik* oleh Plato yang telah memperkenalkan Teori Idea. Melalui Teori Idea ini, Apresiasi dan kritikan seni yang awal telah diperkenalkan yang dikenali sebagai Konsep Imitasi atau Peniruan.

Sebagai permulaan terhadap apresiasi seni itu, kita perlu mengetahui tentang objek seni itu sendiri. Menurut Hauser (dalam Zakaria Ali, 1989), *A work of art is a challenge; we do not explain it, we adjust ourselves to it*". Kita sebagai pemerhati terlebih dahulu perlu menyesuaikan diri dengan karya seni dan mencari sebab mengapa kita diusik, diganggu dan dicabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut AAM Djelantik dalam Agus Sachari (2002), proses apresiasi terbahagi kepada tujuh bagian iaitu (i) Sensasi berupa rangsangan yang ditangkap oleh mata dan telinga; (ii) Persepsi berupa kesan; (iii) Impresi berupa kesan yang berkembang menjadi keyakinan; (iv) Emosi berupa ketergugahan perasaan; (v) Interpretasi berupa penafsiran-penafsiran yang dilakukan; (vi) Apresiasi berupa perenungan terhadap sesuatu yang telah diapresiasi; dan (vii) Evaluasi atau penilaian berupa hasil apresiasi yang diampaikan secara lisan atau bertulis.

Menurut Prof R. M. Soedarsono, seseorang yang telah terlatih dalam bidang Apresiasi Seni dapat mempertimbangkan nilai-nilai seni yang tidak hanya terbatas kepada keindahan dan kecantikan rupa semata-mata, tetapi juga nilai kejiwaan yang mampu menyampaikan kesan spiritual seniman.

Seseorang yang terlibat dalam Apresiasi Seni perlu berada di dalam lingkungan kebebasan dan keterbukaan minda. Istilah memaksa seseorang untuk turut menikmati karya seni tidak perlu wujud walaupun seseorang itu menghadiri satu-satu pameran karya seni. Selain itu, sikap kerendahan hati juga perlu ada dalam diri seseorang pengapresiasi. Ini kerana pendapat yang diberikan itu tidak semestinya tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam konsep pengajaran dan pembelajaran (P&P) pula, penulis akan mengetengahkan dan menghuraikan tentang bagaimana peranan yang dimainkan oleh pengajar (guru) dan pelajar (murid-murid). Guru merupakan seorang individu atau manusia yang mempunyai kemahiran yang tertentu dalam sesuatu bidang yang diceburi. Guru mempunyai kebolehan untuk mendidik murid-murid mereka. Mengikut J.M Cooper (1977), guru merupakan pembimbing yang dapat membawa pelajarnya ke hasil pembelajaran terakhir yang dikehendaki. Dengan ini guru bolehlah dikatakan seorang yang boleh menunjukkan jalan dalam penyelesaian sesuatu masalah bagi pelajar mereka.

Bagi murid-murid pula, kumpulan ini merupakan satu kumpulan yang tidak boleh dipisahkan daripada sekolah. Apabila kita menyebut pelajar maka kita akan terbayangkan sekolah. Menurut Eisner 1967 dalam Md Nasir Ibrahim & Prof Madya Iberahim Hassan, pembelajaran seni dan kreativiti bukanlah diperolehi secara automatik seiring dengan kematangan sebaliknya boleh dipupuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Bagi mengaitkan konsep pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan teori yang di pilih, maka penulis lebih menumpukan perhatian kepada teori Kognitif oleh Jerome Bruner. Penekanan Bruner terhadap pendidikan ialah melalui pembelajaran secara induktif, pembelajaran melalui penemuan bebas ataupun pembelajaran secara terbimbing. Bruner juga menekankan kemampuan belajar yang bergantung kepada kesediaan murid-murid dan perlunya pengajaran pembelajaran distrukturkan bagi memenuhi keperluan perbezaan individu dan kesediaan belajar kanak-kanak tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran Pendidikan Seni Visual yang berkesan bermula dari guru kemudian berkembang kepada kaedah dan teknik-teknik pengajaran, bahan yang digunakan seterusnya kepada produk-produk yang dihasilkan (Ahmad Suhaimi, 2000). Pembelajaran pula lebih bermakna apabila pelajar berupaya menggunakan laras bahasa tampak dan kepekaannya terhadap kualiti estetik (Iberahim, 2000). Seterusnya berjaya menarik pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran dan teknik-teknik penghasilan kerja seni tampak.

2.2.3 Konsep Pelajar

Pelajar merupakan satu istilah bagi menerangkan kepada orang yang sedang melalui satu proses belajar. Menurut J. Piaget, perkembangan intelektual seseorang kanak-kanak itu dapat dibahagi kan kepada 3 tahap iaitu pra operasi, operasi konkrit dan operasi formal. Setiap tahap terdapat satu perkembangan pembelajaran seseorang kanak-kanak itu.

Menurut Bruner pula, terdapat 3 fasal atau tahap proses belajar isitu 1) informasi, 2) transformasi dan 3) evalasi. Apa yang dikatakan tentang informasi ialah informasi merupakan satu maklumat yang akan kita perolehi sama ada menambah pengetahuan kita, memperhalus dan memperdalamkan maklumat kita ataupun juga informasi yang bertentangan dengan maklumat yang kita sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tansformsi pula ialah setiap informasi itu perlulah dianalisis, diubah ataupun ditransformasi ke dalam bentuk yang lebih abstrak atau konseptual agar dapat digunakan untuk perkara-perkara yang lain. Dalam hal ini bantuan yang diberikan oleh guru sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran amatlah penting dan diperlukan.

Sementara itu, evaluasi pula ialah pelajar perlu menilai setakat manakah ilmu pengetahuan yang diterima itu serta transformasinya dapat digunakan untuk matlamat dan pekerjaan yang lain. Dengan kata lain, keupayaan pelajar dalam menyesuaikan ilmu yang dimiliki untuk menyelesaikan perkara lain yang berkaitan dan bersesuaian.

2.2.4 Konsep Guru

Guru merupakan satu ikon bagi seorang pelajar. Untuk itu, seseorang guru mempunyai peranan yang besar dalam memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Menurut Prof Dr. S. Nasution, MA. dalam bukunya *Berbagai Pendekatan Dalam Proses Belajar Dan Mengajar*, guru mempunyai tiga peranan iaitu 1) mengkomunikasikan pengetahuan, 2) guru sebagai model, dan 3) guru menjadi model sebagai peribadi.

Selain memberikan ilmu pengetahuan, guru juga bertanggungjawab dalam mengkomunikasikan pengetahuan yang dimiliki. Guru perlu memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap apa yang diajarkan kepada pelajar. Seseorang guru yang tidak memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi perlulah meningkatkan tahap pendidikannnya dan ternyata bahawa mengajar adalah merupakan suatu cara belajar yang paling baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru sebagai model. Setiap orang guru akan menjadi role model kepada pelajarnya. Apa yang dilakukan oleh guru pasti akan menjadi ikutan pelajar. Guru perlu melihat keindahan dan manfaat terhadap apa yang diajarkan. Ini bertujuan untuk memberikan rangsangan dan dorongan kepada pelajar untuk turut sama melihat kebaikan dan kelebihan mata pelajaran tersebut.


Guru sebagai model peribadi. Guru yang memiliki sifat dan sikap yang baik akan menjadi cerminan kepada pelajar. Sikap yang ditonjolkan oleh guru seperti berdisiplin, berfikiran panjang, mencintai mata pelajaran yang diajar atau mengurangkan pandangan yang sinis terhadap mata pelajaran yang lain akan menjadi ikutan para pelajarnya.

Guru hendaklah merancang terlebih dahulu aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut strategi yang sesuai. Guru juga perlu membantu pelajar untuk mengembangkan bakat dan kebolehan mereka, dengan mengambil kira setiap pelajar itu berbeza dari segi kebolehan, latar belakang, minat dan bakat. (Kamaruddin Hj Hussin dan Kamarul Azhar, 1993)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5 Konsep Yang Dipilih Dalam Kajian Permasalahan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kerangka Teoritik

Dalam memperkatakan tentang aspek apresiasi seni ini, beberapa teori perkembangan telah penulis jadikan sandaran dan rujukan utama. Teori-teori perkembangan adalah seperti Teori Perkembangan Kognitif (intelek, persepsi dan bahasa), Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Behaviurisme. Penulis akan memperhatikan dan mengaitkan kesesuaian teori-teori perkembangan dan pembelajaran dengan permasalahan ini.

2.3.1 Teori Perkembangan Kognitif

Melalui teori ini, para pendokongnya menyatakan bahawa manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi, yang mana kerana ketingian ini membolehkan manusia mampu untuk belajar pelbagai perkara. Dengan kata lain, setiap manusia adalah diyakini boleh menguasai berbagai bahasa kerana kebolehan semula jadinya ini.

Antara tokoh yang mendokong teori ini ialah seperti Jean Piaget, Robert Lee, Robin Lakoff, D. Slobin, George Miller, Kohler, Mangantar Simanjuntak, Noam Chomsky dan lain-lain lagi. Kesemua mereka telah menolak saranan daripada teori behaviorisme yang memperkatakan tentang rangsangan dan gerak balas.

Melalui teori ini, proses pembelajaran bagi seseorang pelajar itu berlaku apabila sesuatu maklumat yang diterima sama ada melalui mata, telinga dan panca indera yang lain akan disesuaikan dengan pengetahuan sedia adanya di otak dan maklumat ini akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikumpulkan dengan data-data yang diperolehi melalui persekiarannya. Ini akan melahirkan bahasa yang baik dan kreatif melalui luahan dari mulutnya.

Melalui teori ini, pelajar akan mendapat maklumat dan pengetahuan melalui perbincangan serta aktiviti yang melibatkan penyelesaian masalah. Proses mental yang terlibat adalah melalui pemerhatian, diikuti dengan pengamatan, penakulan, memproses maklumat, mengingat dan mengeluarkan kembali maklumat apabila diperlukan.

Justeru itu, proses apresiasi seni yang dijalankan oleh guru sewatu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas boleh menjadi pemangkin dalam menambah dan menarik minat pelajar terhadap pendidikan seni seterusnya memberikan pengetahuan tentang bagaimana sesebuah hasil karya itu dinilai. Kebolehan ini akan menjamin kelangsungan pertambahan para penggiat dan penghayat seni di negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Teori Pembelajaran Konstruktivisme telah diperkatakan oleh ramai tokoh.

Menurut Borich dan Tombari (1997) dam bukunya ***Educational Psychology : A Contemporary Approach*** (ms 177), telah mendefinisikan pendekatan konstruktivisme sebagai;

> ....."*Constructivisme. An approach to learning in which learners are provided the opportunity to construct their own sense of what is being learned by building internal connections or relationship among the ideas and facts being taught.*"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu A.E. Woolfolk dalam bukunya ***Educational Psychology*** (1998) pula menyatakan;

> .... *"Constructivist perspectives – View that emphasizes the active role of the learner in building understanding and making sense is currently organized."*

Manakala Duckworth (1987) pula telah mendefinisikan konstruktivisme adalah sebagai;

> .....*Meaning is not given to us in our encounters, but it is given by us, constructed by us, each in our own way, according to how our understanding is currently organized."*

Berdasarkan dari kenyataan-kenyataan yang diberikan di atas jelaslah kepada kita bahawa teori konstruktivisme menekankan kepada pelajar di mana setiap pelajar perlu memainkan peranan aktif dalam memahami dan memberikan makna kepada maklumat yang diberikan oleh guru dan setiap maklumat itu perlulah dikaitkan dengan idea yang dimiliki.

Oleh itu, teori pembelajaran konstuktivisme memfokuskan kepada bagaimana kefahaman pelajar mengenai sesuatu maklumat di bina melalui proses penerokaan dan kajian pelajar mengenai sesuatu konsep dan akhirnya membentuk satu kefahaman baru dengan menghubungkan atau mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Ini bermakna seseorang pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dengan membina makna dari pengalamannya dan interaksinya dengan persekitaran. (Jonassen, 1991)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Brooks & Brooks, (1993) dalam Abdul Aziz b Zalay/Zali (2004:28), pelajar membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada apa yang telah mereka fahami sebelum ini. Mereka membentuk peraturan melalui refleksi tentang interaksi mereka dengan objek dan odea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna kepada mereka, maka mereka akan sama ada menginterpretasikan apa yang mereka lihat atau menyesuaikan peraturan mereka agar dapat menerangkan maklumat yang baru itu dengan lebih baik.

Bersesuaian dengan sesi apresiasi yang dijalankan dalam mata pelajaran pendidikan seni, pelajar akan didedahkan dengan maklumat untuk memahami sesebuah karya yang dihasilkan itu. Berdasarkan maklumat dan penerangan yang diberikan oleh guru, maka seseorang pelajar itu perlu memahami maksud di sebalik penghasilan sesebuah karya itu dengan mengapresiasikan dari segi pengkarya serta suasana dan maksud di sebalik sesebuah karya berkenaan dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"Constructivist learning is based on students'active participation in problem-solving and critical thinking regarding a learning activity which they find relevant and engaging. They are "constructing" their own knowledge by testing ideas and approaches based on their prior knowledge and experience, applying these to a new situation, and integrating a new knowledge gained with pre-existing intellectual constructs"*
>
> *(daripada penulis seperti Bruner dan Van Glaserfeld).*

Penulis menyatakan bahawa dalam pembelajaran konstruktivisme, peranan pelajar adalah aktif dalam menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritikal. Pelajar akan membina kefahaman dengan menguji idea berasaskan pengetahuan sedia ada dan pengalaman, cuba aplikasikan pengalaman kepada situasi baru dan cuba mengintegrasikan maklumat baru dengan maklumat sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Teori Behaviorisme

Behaviorisme, menurut kamus Oxford Advance Learner's bermaksud;

> *'the theory that all human behaviour is learnt by adapting to outside conditions and that learning is not influenced by thoughts and feelings'.*

Manakala dalam bahasa melayu, behaviorisme bermaksud *'Kefahaman Tingkahlaku'*. Mengikut ahli behaviorisme ini, pembelajaran merupakan perubahan yang berlaku dalam diri seseorang yang disebabkan oleh pengalaman.

Aktiviti apresiasi yang dijalankan oleh guru di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan suatu proses yang dilakukan secara berpanjangan. Sebelum proses ini dilakukan, pelajar akan didedahkan dahulu dengan maklumat dan teknik-teknik yang sesuai dalam proses apresiasi seni. Dengan kata lain pelajar akan diberikan persediaan terlebih dahulu sebelum pelajar berkenaan melakukan apresiasi terhadap sesuatu karya.

Ahli psikologi aliran behaviorisme berpendapat sebelum sesuatu pembelajaran berlaku, ia perlulah ada kesediaan yang kemudiannya terdapat rangsangan bagi pengajaran itu dan diikuti dengan gerak balas. Gerak balas merupakan percubaan terhadap kejayaan sesuatu pembelajaran.

Selain itu, teori ini juga menekankan kepada aspek penguasaan bahasa. Bagi pendukong teori ini, penguasaan bahasa oleh seseorang itu akan diperolehi melalui proses pengulangan walau sebanyak mana sekalipun sehinggalah ianya menjadi kebiasaan. Melalui teori ini, komunikasi yang berlaku antara guru dan pelajar adalah merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek yang penting. Proses komunikasi dan interaksi yang berlaku akan meningkatkan penguasaan bahasa seseorang pelajar itu.

Kita tidak dapat melihat pemikiran tetapi kita dapat membuat pemerhatian terhadap perlakuan manusia. Dari tingkah laku, kita dapat membuat kesimpulan apa yang sedang di fikirkan oleh seseorang pelajar itu. Mereka berpendapat tingkah laku melambangkan pembelajaran berulang dan bagaimana proses pembelajaran itu berlaku. Antara tokoh yang terlibat dengan teori ini ialah Edward L. Thorndike, B.F Skinner, Ivan Petrovich Pavlov dan John B. Watson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk melihat pelaksanaan Apresiasi Seni di kalangan pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dalam bab ini penulis akan menerangkan satu persatu kaedah dalam menjalankan penyelidikan. Antara perkara yang akan disentuh ialah pendekatan penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, fokus kajian, sumber data, prosedur pengumpulan data, analisis dapatan kajian serta jadual penyelidikan dan matrik pengumpulan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Pendekatan Penyelidikan

Dalam menghasilkan penulisan ini, penulis akan menggunakan kaedah pendekatan **kualitatif**. Kajian kualitatif merupakan satu proses inkuiri interpretatif (interpretative) untuk memahami isu atau masalah sosial dengan menonjolkan keunikan kritikal persekitaran kajian (Stake, 1995). Selain itu, pendekatan kualitatif juga merupakan pendekatan yang menempatkan permasalahan kajian sebagai sesuatu fenomena yang kompleks, oleh itu pengkajiannya perlu dilakukan secara holistik, deskriptif, dan interpretatif (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000). Melalui kaedah pendekatan ini, penulis akan mencatatkan maklumat yang diperolehi dalam bentuk kata-kata atau ayat dan bukannya dalam bentuk data atau perangkaan. Ini penting dalam mempastikan kajian penulis ini sesuai untuk penulisan kualitatif.

Pendekatan kualitatif digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai tajuk yang dibincangkan berdasarkan pemerhatian, soal selidik (pelajar dan guru) dan temubual. Pendekatan ini menerangkan sesuatu peristiwa dalam keadaan sebenar tanpa sebarang manipulasi oleh penyelidik (Mohamad Najid, 2003).

Menurut Jamaludin b Mohaiadin (2001:7) pula;

> ..... Penyelidikan kualitatif amat sesuai untuk tujuan peninjauan *(reconnaissance)* ..... Penyelidikan kualitatif lebih berfokus kepada penumpuan yang lebih *'timely'* dan *'local'manakala* penyelidikan kuantitatif bertumpu kepada *'timeless'dan 'universal'* ..... Disiplin seperti kualiti kesenian (lukisan, skulptur dan muzik), kesusasteraan, kebudayaan, seni bina, nilai, sikap, keagamaan pasti tidak boleh dinilai dengan menggunakan penyelidikan kuantitatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap ayat atau maklumat yang penulis catatkan adalah melalui pengumpulan cara-cara mendapatkan maklumat yang telah penulis rancangkan seperti melalui temu ramah, pemerhatian, serta soal selidik yang telah dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan.

3.3 Reka bentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kes dengan pendekatan penyelidikan kualitatif diskriptif. Kajian kes tidak harus tertumpu kepada satu tempat tetapi boleh juga dilakukan lebih dari satu tempat (David, 2001). Dalam kajian ini, permasalahan dan fokus kajian telah ditetapkan sebelum penulis memulakan kajian. Ini bersesuaian dengan kajian kes yang disebut juga sebagai *embedded case study research* (Yin, 1987) yang dipilih dalam menjawab setiap persoalan yang ditetapkan.

Dalam penulisan kualitatif yang akan penulis gunakan ini, penulis akan merumuskan permasalahan ini dalam bentuk sistemik. Setiap permasalahan ini akan dikaji dan dikupas dengan sebaik mungkin serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam penulisan kualitatif. Memandangkan permasalahan penulis ini adalah menjuruskan kepada masalah pembelajaran apresiasi seni, maka penulis akan menjuruskan kepada penguasaan Asas-asas Seni Reka dan Prinsip Rekaan yang mana pemahaman pelajar adalah diperlukan sebelum sesuatu apresiasi seni itu dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui pendekatan penyelidikan lapangan yang interaktif (interactive field research) dalam penyelidikan kualitatif ini, kajian dibuat bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang pelaksanaan apresiasi seni dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah yang terpilih.

Di samping itu, di sini juga penulis akan menyatakan tentang kaedah kajian yang telah dilakukan dalam kajian ini. Penulis telah menggunakan kaedah soal selidik yang melibatkan para guru dan pelajar, kaedah temu bual yang melibatkan para guru serta kaedah pemerhatian yang telah dilakukan di dalam kelas sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Menurut Stewart & Cash (1978), melalui temu bual, pengkaji berpeluang untuk mendapatkan maklumat mengenai seseorang, tempat, benda, peristiwa atau pendapat secara langsung daripada orang-orang tertentu. Ini bertepatan dengan Mohd Najib Konting (1990:237) yang menyatakan;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ".....temu bual digunakan untuk memperolehi maklumat kebenaran fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya, yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif pengkajian".

Terdapat beberapa sebab kaedah reka bentuk penyelidikan secara kualitatif ini dipilih. Pertama, untuk melihat secara dekat proses pengajaran dan pelaksanaan sesi Apresiasi Seni. Pengajaran Apresiasi Seni yang dijalankan di dalam kelas memerlukan pemerhatian, maka pemilihan secara pendekatan kualitatif dirasakan amat tepat. Ini ditambah pula dengan teknik-teknik pengumpulan data yang diambil melalui temu bual, maka pendekatan kualitatif adalah pilihan yang tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua, untuk mengetahui secara mendalam kebolehan dan kemahiran pelajar dalam aspek Apresiasi Seni. Selain itu, maklum balas yang diterima melalui responden (pelajar dan guru) terhadap aktiviti yang dilakukan serta perspektif mereka terhadap pengajaran Apresiasi Seni. Dalam prose pengumpulan dan analisis data yang berperingkat-peringkat (*progresive)* pendekatan kualitatif dirasakan amat sesuai. Kita dapat memerhatikan tingkah laku pelajar, guru serta melihat reaksi dan sikap mereka sewaktu proses Apresiasi Seni dijalankan. Dengan kata lain, kita dapat lihat apa yang tersirat dan apa yang tersurat dalam pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Setiap kaedah penulisan dan dapatan daripadanya yang dilakukan oleh penulis ini akan dikumpulkan seterusnya akan dirumuskan untuk dibuat kesimpulan dalam bab seterusnya yang akan memberikan jawapan terhadap setiap persoalan kajian yang diutarakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Fokus Kajian

Dalam menentukan fokus kajian ini, penulis akan lebih menjuruskan kepada setiap batasan terhadap permasalahan yang dikaji. Memandangkan permasalahan yang penulis utarakan ialah mengenai Apresiasi Seni di kalangan pelajar, maka penulis akan membuat kajian bagaimanakah proses atau aktiviti apresiasi seni yang dijalankan bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud yang pastinya akan memberikan arah kepada mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk lebih dihargai, dicintai dan seterusnya diminati bukan sekadar sebagai mata pelajaran tempelan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Potton (1990), menyatakan bahawa;

> "tidak ada satu peraturan bagi menentukan saiz sampel dalam penyelidikan kualitatif. Menurutnya lagi, pertimbangannya berdasarkan kepada jenis-jenis maklumat yang ingin diperolehi dan maklumat-maklumat tersebut harus menggambarkan kepelbagaian yang diperlukan dalam kajian".

Dalam kajian ini, penulis telah mengambil 50 orang pelajar di sekolah yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan 3 orang guru yang merupakan tenaga pengajar Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah Mahmud. Pelajar yang terpilih adalah merupakan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini bagi mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan sesi apresiasi seni serta penglibatan pelajar dalam sesi tersebut. Ini adalah bertujuan untuk melihat kefahaman pelajar tentang apresiasi seni. Kajian ini akan dijalankan pada sesi persekolahan terutamanya pada awal tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mencari jawapan terhadap persoalan kajian, penulis telah menyediakan 10 soalan pilihan jawapan yang perlu dijawab oleh 50 orang responden. Antara soalan-soalan yang dikemukakan adalah;

1. Adakah kamu berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual?

   Sekiranya Tidak, berikan alasannya.

2. Adakah kamu memahami maksud Apresiasi Seni?

   Sekiranya Ya, berikan maksudnya

3. Bilakah cikgu mengadakan sesi Apresiasi Seni?
4. Apa perasaan kamu sekiranya karya/lukisan kamu dinilai?
5. Bagaimanakah suasana dalam kelas sewaktu sesi Apresiasi Seni dijalankan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Dimanakah cikgu sering mengadakan sesi Apresiasi Seni?
7. Adakah kamu sering mengambil bahagian semasa sesi Apresiasi dijalankan?
8. Adakah guru mengadakan sesi Apresiasi Seni selepas pengajaran dan pembelajaran berakhir?
9. Adakah sesi Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru menarik perhatian anda?
10. Adakah guru sering memberikan penerangan tentang teknik-teknik mengapresiasi sesebuah karya seni?

Selain itu, kajian ini juga melibatkan 3 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk melihat pemahaman serta pengetahuan guru berkenaan dan pelaksanaan sesi apresiasi seni di dalam kelas. Guru yang terpilih ialah guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual bagi tahun dan tingkatan yang berlainan.

Untuk mendapatkan kejelasan tentang kemahiran guru dalam Apresiasi Seni, penulis telah menyediakan 6 soalan ringkas untuk dijawab kepada guru. Antara soalan-soalan yang diberikan ialah;

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Apresiasi Seni?
2. Bilakah biasanya cikgu menjalankan proses Apresiasi Seni ini.?
3. Bagaimana dengan tindakbalas pelajar semasa Apresiasi Seni dijalankan?
4. Pada pandangan cikgu, dimanakah tempat yang dirasakan sesuai untuk menjalankan Apresiasi Seni?
5. Apakah cikgu menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) sewaktu mengendalikan Apresiasi Seni?
6. Apakah pendapat kamu sekiranya Apresiasi Seni diajar dengan baik kepada pelajar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan responden di kalangan pelajar di buat berasaskan potensi mereka untuk memberi maklumat bagi membantu penulis. Menurut Jack R. Fraenkel dan Norma E. Wallen (2000) dalam Mohd Kamal Mat Yusof (2003:53) berkata;

> *.....purposive sampling is different from convenience sampling in tht researchers do not simply study whoever is available, but use their judgement to select a sample that they believe, based on prior information, will provide that data they need.*
>
> (Fraenkel & Wallen, 2004:114)

3.5 Sumber Data

Sumber data yang penulis akan gunakan dalam penulisan kajian ini ialah dengan menggunakan beberapa perkara mengikut kesesuaian konsep yang penulis pilih. Antara sumber data yang akan digunakan sepanjang mengkaji permasalahan ini ialah seperti pemerhatian terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah, temu bual dengan guru-guru yang mengajar dan pelajar-pelajar yang terlibat, serta soal selidik yang dijawab oleh para pelajar dan guru berkisar kepada persoalan yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Prosedur Pengumpulan Data.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan pendekatan yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini dari peringkat awal kajian sehinggalah peringkat data selesai dipungut dan dikumpulkan. Terdapat 3 cara dalam prosedur pengumpulan data iaitu:

3.6.1 Atur Cara Sebelum Penyelidikan.

Dalam menjalankan kajian ini, terlebih dahulu pengkaji akan meminta kebenaran daripada guru terlibat untuk membuat pemerhatian sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Ini dilakukan agar guru terlibat maklum akan kehadiran penulis dalam kelas tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pengkaji akan menyediakan dan menetapkan apakah yang hendak dikaji. Ini termasuklah soalan yang akan dikemukakan dan perlu dijawab oleh responden, apa yang akan diperhatikan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran serta yang paling penting memaklumkan kepada guru yang terlibat tentang tarikh pemerhatian yang akan dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Atur Cara Semasa Penyelidikan

Sewaktu pemerhatian dilakukan, penulis akan memberikan tumpuan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan pelaksanaan sesi apresiasi seni di dalam kelas. Penulis akan melihat adakah sesi apresiasi seni dijalankan ataupun tidak seterusnya penglibatan pelajar terhadap sesi berkenaan.

Seterusnya juga penulis akan mengedarkan soalan soal selidik kepada pelajar dan guru yang terlibat untuk melihat pemahaman dan pengetahuan pelajar dan guru tentang apresiasi seni serta minat dan pelaksanaan apresiasi tersebut di dalam kelas. Cohen dan Marion (1985), John P. Keeves (1990), dan Cates W.M (1990) dalam Achmad Sopandi Hj Hassan (2004) menyatakan bahawa penyelidikan dengan menggunakan teknik soal selidik sesuai digunakan untuk mendapat maklumat berkenaan dengan fakta-fakta, perasaan, kehendak serta mudah disediakan. Ia juga digunakan untuk meningkatkan ketepatan anggaran statistik deskriptif. Kesemua ini boleh memberi bantuan untuk memberikan jawapan yang lebih tepat terhadap persoalan kajian yang telah penulis tetapkan dalam kajian tersebut.

Selain soalan soal selidik, penulis juga akan mengadakan sesi temu bual dengan guru yang terpilih untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih lanjut tentang pengajaran Pendidikan Seni Visual yang dijalankan oleh guru berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Atur Cara Selepas Penyelidikan.

Atur cara selepas kajian pula ialah menganalisis data yang telah dikumpulkan daripada sampel kajian penulis. Dalam peringkat ini, semua kertas soal selidik, temuramah dan pemerhatian yang telah dilakukan akan dikumpulkan dan akan dibuat satu keputusan berdasarkan jawapan yang diberikan.

3.7 Prosedur Penganalisisan Data

Bahagian ini akan dibincangkan kaedah penganalisisan data kajian yang diperolehi supaya matlamat kajian dapat dicapai sepenuhnya. Catatan pemerhatian dianalisis secara induktif (data bukan untuk membuktikan sesuatu hipotesis). Proses analisis induktif membolehkan penulis membuat kesimpulan yang bererti (*inferens)* secara teliti tentang apa yang signifikan dan bermakna dalam sesuatu data (Patton, 1990).

Seterusnya setiap data kajian yang diperolehi akan dianalisis secara diskriptif dengan bahasa yang ekspresif. Data yang bersifat kualitatif akan dianalisis menerusi analisis diskriptif. Selepas itu, perbincangan dan pentafsiran hasil kajian ini akan dilakukan. Analisis ini penting dalam memberikan gambaran yang tepat tentang satu-satu hasil kajian penulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Analisis Diskriptif

Data-data yang diperolehi melalui beberapa kaedah khususnya kaedah temu ramah dan pemerhatian akan dianalisis secara kualitatif. Analisis diskriptif bertujuan untuk memproses data bagi melihat tahap pengetahuan pelajar dan guru tentang apresiasi seni yang menjadi sebahagian daripada sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah di negara kita.

Analisis diskriptif bagi kaedah temu ramah adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data yang tepat tentang pelaksanaan sesi apresiasi seni di kalangan guru-guru. Kesemua data tersebut akan dihuraikan dan ditafsirkan secara diskriptif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Jadual Penyelidikan & Matrik Pengumpulan Data

KONSEP	DATA	ALAT PENGUMPULAN DATA			UJIAN/ TEST
		A	B	C	
1.Apresiasi	1.1 Sejarah	/		/	
	1.2 Maksud Kritikan	/		/	
	1.3 Bentuk Apresiasi Seni	/	/		
2. Bentuk P & P	2.1 Alat Bantu Mengajar	/		/	
	2.2 Bilik Seni / Darjah		/	/	
	2.3 Persediaan Guru	/		/	
3. Pelajar	3.1 Persediaan Pelajar	/	/		
	3.2 Kefahaman Pelajar	/		/	
4. Guru	4.1 Pengajaran	/	/		
	4.2 ABM	/			
	4.3 Sikap	/			

A = Pemerhatian
B = Temubual
C = Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

HASIL PENYELIDIKAN DAN PERBINCANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan memaparkan hasil dapatan yang diperolehi daripada data kajian. Pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi daripada soal selidik, pemerhatian dan temu bual yang telah dijalankan di sepanjang kajian ini dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Praktik Pengajaran Apresiasi Seni Di SEMUDRA

4.2.1 Praktik Pengajaran Apresiasi Guru 1

Pemerhatian yang penulis lakukan terhadap BPG1 ialah merangkumi aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru terlibat. G1 telah memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan sesi Apresiasi Seni terhadap karya yang telah pelajar hasilkan pada pertemuan sebelumnya. Beberapa orang pelajar datang ke hadapan dan menampalkan karya yang telah siap dihasilkan. Penglibatan pelajar dalam sesi Apresiasi tersebut begitu aktif dengan pelajar bersilih ganti cuba memberikan pandangan dan kritikan terhadap karya yang dipilih. G1 turut memberikan bantuan terhadap ulasan dan kritikan yang diberikan.

Selepas sesi Apresiasi Seni dijalankan barulah G1 meneruskan pengajaran dan pembelajaran hari tersebut dengan memfokuskan kepada lukisan perspektif. Guru menunjukkan beberapa keping gambar lukisan perspektif dan memberikan penerangan terhadap karya yang dipamerkan. Pelajar memberikan perhatian terhadap penerangan guru dengan penuh minat.

G1 mengarahkan pelajar memberikan perhatian kepada lukisan perspektif. G1 bertindak sebagai pembimbing dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut sambil memberikan bantuan kecil. Kerjasama yang diberikan oleh pelajar terhadap tugasan yang diberikan begitu baik. Terdapat pelajar yang tidak berpuas hati dengan lukisannya telah datang bertanya kepada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Praktik Pengajaran Apresiasi Guru 2

Pemerhatian yang dilakukan terhadap G2 telah berlaku pada 26/02/07. Waktu Pendidikan Seni Visual bagi G2 ialah pada waktu ke-5 iaitu selepas waktu rehat. G2 memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran hari itu dengan mengarahkan pelajar menyambung kerja pada minggu sebelumnya. Terdapat pelajar yang hampir siap tugasan pada minggu lepas dan ada juga pelajar yang masih pada peringkat permulaaan karya serta pelajar yang tidak membawa tugasan pada minggu lepas.

G2 mengarahkan pelajar yang hampir siap agar meneruskan tugasan dan apabila siap, G2 mengarahkan pelajar tersebut agar menjemur karya bagi memastikan karya tersebut kering. G2 turut memberikan bantuan kepada karya yang masih peringkat permulaan dalam menyiapkan karya. Pelajar yang tidak menyiapkan karya diminta teruskan kerja sehinggalah tugasan yang diarahkan siap.

Seterusnya pelajar yang telah siap diarahkan untuk mengambil dan menampal karya di hadapan kelas untuk dibuat sesi Apresiasi Seni. Pelajar sering memberikan respon terhadap ulasan yang diberikan oleh kawan-kawan mereka. G2 turut membantu ulasan karya yang diberikan oleh pelajar. Sesi Apresiasi hari itu telah tamat pada jam 09.00 pagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 4.1 : Sesi Apresiasi G2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Praktik Pengajaran Apresiasi Guru 3

Pemerhatian yang dilakukan kepada G3 telah berlangsung pada 15/03/07. sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlaku ialah pada waktu terakhir. G3 memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan meminta pelajar membuka buku rujukan Pendidikan Seni Tingkatan 5 dan mengarahkan pelajar agar membuat peniruan terhadap karya seni yang diarahkan. Tajuk karya yang diajar ialah Lukisan Alam.

Pelajar menjalankan tugas yang diamanahkan dan G3 bertindak sebagai pembimbing. Seringkali juga G3 menolong pelajar yang bermasalah dalam lukisan dan tindakan G3 itu mendapat perhatian pelajar. Pelajar yang menyiapkan lukisan diarahkan supaya mewarna dengan menggunakan warna pensil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar yang telah siap mewarna telah diminta agar menampal karya dengan kemas di dalam kelas untuk di buat sesi Apresiasi. Sewaktu sesi Apresiasi berlangsung, ramai pelajar yang memberikan kerjasama dan cuba untuk memberikan kritikan terhadap karya yang dipilih. Terdapat juga pelajar yang tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh G3. G3 telah menamatkan sesi pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut dengan sesi Apresiasi Seni iaitu pada jam 02.00 petang.

Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan mendapati setiap guru (G1, G2 dan G3) telah menjalankan sesi Apresiasi pada waktu pengajaran dan pembelajaran. Dengan penggunaan waktu yang terhad, setiap guru telah menjalankan sesi Apresiasi tersebut dan beberapa orang pelajar telah terlibat.

4.3 Cara Guru Menarik Minat Pelajar Untuk Berapresiasi

Kajian yang dilakukan oleh penulis ini turut mendapat kerjasama dan sokongan dari beberapa orang guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Maka, penulis turut mengedarkan soalan soal selidik kepada guru yang terlibat untuk melihat tahap penguasaan guru dalam bidang yang dikaji. Maklumat ini penting untuk melihat sejauhmanakah pengetahuan seseorang guru itu tentang Apresiasi Seni sebelum guru terlibat mengajar pelajar bidang yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan daripada temu bual dan soal selidik yang dilakukan kepada 3 orang guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual (lihat lampiran pedoman temu bual guru), maka didapati ketiga-tiga responden mempunyai kemahiran dan tahap pengetahuan dalam bidang Apresiasi Seni. Ketiga-tiga responden dapat memberikan maksud Apresiasi Seni. Selain itu, ketiga-tiga responden juga adalah merupakan mereka yang terlibat ataupun mendapat pendidikan yang khusus dalam bidang seni iaitu 2 orang responden adalah lulusan Universiti Teknologi Mara (UTM) dan seorang responden adalah lulusan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Mereka seringkali memberikan berbagai cara untuk menarik pelajar dalam sesi Apresiasi Seni.

Melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap G1, beliau menayangkan atau mempamerkan contoh-contoh karya yang telah dihasilkan oleh pelukis-pelukis terkenal tanah air dan luar negara. Karya yang ditunjukkan itu sama ada terdapat di dalam buku panduan ataupun dari mana-mana media. Ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar seterusnya akan dapat mendatangkan minat pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran PSV dan Apresiasi Seni. Beliau cuba memberikan Apresiasi terhadap karya yang dipamerkan itu. Seterusnya beliau meminta pelajar cuba memberikan Apresiasi mereka terhadap karya yang dipamerkan. Selain itu, beliau juga seringkali memberikan pujian terhadap penglibatan pelajar di dalam kelas khasnya sewaktu sesi Apresiasi Seni dijalankan.

Pemerhatian terhadap G2 pula, beliau mempamerkan karya pelajar terlebih dahulu dan meminta rakan-rakan sekelas memberikan Apresiasi mereka sebelum G2 memberikan komen dan Apresiasi terhadap karya pelajar tersebut. Bagi G2, tindakan ini adalah bertujuan untuk tidak terus membunuh semangat pelajar sebaliknya memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendedahan tentang kekurangan dan kelebihan karya pelajar yang dapat dilihat oleh rakan-rakannya sebelum diapresiasi oleh guru. Tindakan ini dilihat dapat menarik pelajar untuk lebih berminat dan bersemangat dalam mempelajari Pendidikan Seni itu sendiri.

Bagi G3 pula, pemerhatian mendapati beliau seringkali memberikan dorongan kepada pelajarnya untuk menghasilkan karya yang baik dan kemas. Tujuannya adalah untuk mempastikan kebersihan dan kekemasan karya pelajar yang menjamin hasilan karya yang baik. G3 juga menampalkan dan menunjukkan karya-karya yang telah dihasilkan oleh pengkarya terkenal sama ada dari dalam dan luar negara. Tujuannya adalah sama seperti G1 iaitu untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan serta semangat kepada untuk terus memikirkan idea-idea baru untuk dihasilkan sewaktu berkarya. Ini dapat menarik pelajar untuk belajar menguasai Asas-Asas Seni Reka dan Prinsip Rekaan yang menjadi asas dalam pelaksanaan Apresiasi Seni.

Bagi RG1 (lihat lampiran), beliau mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Seni selama 14 tahun dan merupakan seorang guru yang telah mendapat latihan dalam bidang seni. Walaupun pada tahun ini beliau mengajar tingkatan 2 dan 4 tetapi beliau masih mengajar pelajarnya khasnya relajar tingkatan 2 tentang Apresiasi Seni terutamanya pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, menurut RG1 juga, beliau mengadakan sesi Apresiasi Seni ini di dalam studio seni dan dalam bilik darjah. Baginya, sekiranya sesi Apresiasi Seni diajar dengan baik kepada pelajar, pelajar akan menjadi manusia yang lebih mencintai diri kerana ia melibatkan kehidupan seharian pelajar itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 4. 2 : Guru sedang mengadakan sesi Apresiasi Seni di dalam bilik darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi RG2 (lihat lampiran), walaupun beliau telah mempunyai pengalaman mengajar selama 10 tahun tetapi dalam mata pelajaran Pendidikan Seni, beliau baru mengajar selama 7 tahun. RG2 mengajar tingkatan 1, 4 dan 5 dan dan sering mengadakan sesi Apresiasi Seni di dalam kelas, di bilik seni serta mana-mana kawasan luar yang boleh memberikan keselesaan kepada pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Bagi RG2, sekiranya sesi Apresiasi Seni dijalankan dan diajar dengan baik kepada pelajar, pelajar akan dapat menghayati setiap karya yang dipamerkan dengan baik dan seterusnya menghargai seni warisan budaya bangsa serta tokoh yang terlibat dalam bidang seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Gambar 4.3 : Guru Sedang Memberikan Bimbingan

Sementara itu, bagi RG3 (lihat lampiran) pula yang mempunyai pengalaman mengajar Pendidikan Seni selama 15 tahun, untuk menarik minat pelajar agar lebih aktif sewaktu dalam kelas, beliau akan memberikan bimbingan, teguran dan akan diberikan tugas tambahan supaya mereka lebih faham dalam mengapresiasi sesebuah karya seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar 4.4



Gambar 4.5





Gambar 4.6



Gambar 4.7

Antara karya yang diapresiasikan dalam kelas


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Apresiasi Seni

Dalam membuat rumusan terhadap pelajar, penulis telah mengedarkan soalan soal selidik kepada pelajar berkaitan latar belakang Apresiasi Seni (rujuk lampiran soalan soal selidik). Setelah kesemua pelajar (50 responden) menjawab soalan yang disediakan (10 soalan), maka kerja yang dilakukan oleh penulis adalah membuat pengiraan dan bancian terhadap jawapan yang diberikan. Penulis membuat catatan bagi setiap jawapan responden dan membahagikan jumlah jawapan itu kepada peratus agar lebih senang untuk dinilai dan dibuat pengiraan.


Bagi SSP, soalan pertama menunjukkan kesemua pelajar iaitu 50 responden atau 100% yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia adalah berminat dalam Pendidikan Seni Visual. Ini dapat dilihat melalui Jadual 4.1 yang ditunjukkan di bawah.



Jadual 4.1 : Peratusan Minat Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.2 : Pemahaman Maksud Apresiasi Seni

Jadual 4.2 di atas menunjukkan peratusan pemahaman maksud Apresiasi seni dikalangan pelajar. Walaupun semua responden berminat dalam Pendidikan Seni Visual tetapi hanya 33 responden atau 66% sahaja yang dapat memberikan jawapan bahawa mereka memahami maksud Apresiasi Seni. Selebihnya iaitu 17 responden atau 34% memberikan jawapan bahawa mereka tidak mengetahui maksud Apresiasi Seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 4.8 : Pelajar sedang menjawab soalan soal selidik

Kebanyakan responden berasa gembira sekiranya karya mereka terpilih untuk dibuat Apresiasi Seni. Ini berdasarkan jawapan responden yang mengatakan mereka berasa gembira iaitu seramai 34 responden atau 68% berbanding dengan jumlah responden yang berasa takut sekiranya karya mereka dijadikan contoh untuk diapresiasikan iaitu seramai 14 orang atau 28%.


Sementara itu, responden lebih ramai memberikan jawapan mereka sering kali terlibat sewaktu guru mengadakan sesi Apresiasi Seni sama ada di dalam kelas, di bilik studio, di kantin ataupun di mana-mana tempat yang sesuai. Seramai 33 responden atau 66% menyatakan mereka seringkali terlibat sewaktu sesi Apresiasi dijalankan oleh guru berbanding hanya seramai 17 orang responden atau 34% yang memberikan jawapan mereka terlibat sekali-sekala sahaja dalam sesi Apresiasi. Dapatan daripada soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini juga mendapati tidak ada seorang pun responden yang tidak pernah mengambil bahagian sewaktu sesi Apresiasi dijalankan.

Dalam menjawab persoalan yang diutarakan ini iaitu berkaitan bagaimana Apresiasi Seni dijalankan, terlebih dahulu kita amati jadual 4.3 di bawah yang menunjukkan bilakah guru menjalankan sesi Apresiasi Seni. Jadual ini adalah berdasarkan pengumpulan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik SSP3 yang telah dijalankan di kalangan responden.



Jadual 4.3 : Pelaksanaan Apresiasi Seni

Jadual 4.3 di sebelah menunjukkan waktu sesi Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru. Daripada jadual tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa sesi apresiasi yang dilakukan oleh guru adalah sebelum sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diadakan. Ini berdasarkan seramai 32 responden atau 64% telah menyatakan bahawa sesi Apresiasi yang dijalankan oleh guru adalah sebelum proses pengajaran dan pembelajaran itu dilakukan.

Selain itu terdapat seramai 12 responden atau 24% yang menyatakan bahawa guru mengadakan sesi Apresiasi Seni selepas sesi pengajaran dan pembelajaran dilakukan manakala 6 responden atau 12% pula menyatakan bahawa guru mengadakan sesi Apresiasi seni seminggu selepas sesuatu karya itu dihasilkan.

Keputusan ini adalah bersesuaian dengan pemerhatian yang dilakukan oleh penulis sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Penulis mendapati G1 (lihat lampiran) memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan memberikan komen atau kritikan terhadap karya pelajar pada minggu lepas.

Selain itu, guru juga seringkali mengadakan sesi Apresiasi Seni di berbagai tempat iaitu bukan hanya tertumpu pada satu-satu tempat sahaja. Ini dapat dilihat dalam SSP6 yang telah diperincikan melalui jadual 4.4 di bawah;

Tempat	Jumlah	Peratus
1. Kantin	8	16%
2. Kelas	21	42%
3. Studio Seni	17	34%
4. Bawah Pokok	4	8%

Jadual 4.4 : Tempat Sesi Apresiasi Dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.4 di atas menunjukkan antara tempat-tempat yang menjadi pilihan guru untuk menjalankan sesi Apresiasi Seni. Daripada jadual 4.4 yang ditunjukkan di atas, guru mengadakan sesi Apresiasi di tempat-tempat yang pelbagai iaitu di kantin, dalam kelas, studio seni dan juga di bawah pokok. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh penulis, responden memberikan jawapan bahawa sesi Apresiasi Seni paling banyak dilakukan di dalam kelas iaitu seramai 21 orang responden ataupun 42%. Ini adalah lebih tinggi berbanding dengan responden yang memberikan jawapan bahawa sesi Apresiasi Seni dijalankan di studio seni iaitu seramai 17 responden ataupun 34%. Selain itu, sesi Apresiasi Seni juga dijalankan oleh guru di kantin menurut kajian soal selidik yang dijalankan iaitu seramai 8 responden ataupun 16% dan sesi Apresiasi Seni yang dijalankan di bawah pokok adalah seramai 4 responden ataupun 8%.

Kesimpulan daripada apa yang diutarakan ini menunjukkan bahawa sesi Apresiasi Seni dijalankan oleh guru dan ianya tidak terhad kepada satu-satu tempat serta waktu tertentu yang dikhaskan.

Dalam mengkaji minat pelajar terhadap Pendidikan Seni yang dikaitkan dengan peranan guru, SSP4 boleh dijadikan ukuran bagi guru yang telah mengambil langkah dengan memilih karya pelajar yang telah dihasilkan untuk diapresiasikan di dalam kelas. Untuk itu, kita boleh lihat kepada jadual 4.5 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.5 : Perasaan Pelajar Apabila Karya Diapresiasikan

Jadual 4.5 di atas menunjukkan peratus perasaan pelajar apabila karya mereka dijadikan bahan untuk diapresiasikan. Antara perasaan yang diminta pelajar pilih adalah sedih, hiba, gembira dan takut. Daripada jadual di atas, seramai 34 responden atau 68% menyatakan bahawa mereka merasa gembira sekiranya karya yang mereka hasilkan diambil untuk diapresiasikan oleh guru.


Selain itu, perasaan takut dan hiba juga dialami oleh responden apabila karya mereka diambil untuk diapresiasikan oleh guru. Ini berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden melalui soalan soal selidik yang disediakan. Seramai 14 responden atau 28% memilih perasaan takut manakala 2 responden atau 4% menyatakan mereka merasa hiba sekiranya situasi tersebut berlaku kepada mereka. Tidak ada responden yang memilih perassan hiba dalam soalan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran yang dibuat pemerhatian oleh penulis juga menggambarkan situasi tersebut. Terdapat pelajar yang tidak mahu hasil karyanya dijadikan bahan Apresiasi oleh guru. Walaupun begitu, terdapat sebilangan besar pelajar yang berani memberikan karya mereka kepada guru untuk ditampalkan di dalam kelas seterusnya dijadikan bahan Apresiasi.

Selain tindakan guru yang mengambil karya pelajar untuk diapresiasikan, kita juga boleh melihat minat pelajar dalam sesi Apresiasi Seni ini melalui soalan yang ditanya pada SSP9 yang boleh dilihat berdasarkan jadual 4.6 di bawah yang menunjukkan peratusan apakah sesi tersebut menarik minat responden ataupun sebaliknya.



Jadual 4.6 : Sesi Apresiasi Menarik Minat Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 di sebelah menunjukkan peratusan pelajar dalam memilih jawapan bagi soalan apakah sesi Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru menarik minat responden ataupun tidak. Berdasarkan jadual di sebelah, seramai 44 responden atau 88% telah memilih bahawa sesi Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru menarik perhatian dan minat responden dalam bidang pendidikan seni. Sebaliknya hanya 6 responden atau 12% sahaja yahng menyatakan bahahwa mereka tridak berminat dengan sesi Apresiasi yang dijalankan oleh guru.

Selain itu, kejayaan guru dalam menarik minat pelajar melalui sesi Apresiasi Seni ini dapat dilihat melalui persoalan SSP5 di bawah iaitu suasana sewaktu proses Apresiasi dijalankan. Jadual 4.7 di bawah mencatatkan peratusan suasana di dalam kelas.

Suasana	Jumlah	Peratus
Bising	5	10%
Ceria	8	16%
Saling Berkomunikasi	35	70%
Tidak Terkawal	2	4%

Jadual 4.7 : Suasana Di Dalam Kelas Sewaktu Proses Apresiasi Dijalankan


Jadual 4.7 di atas menunjukkan suasana di dalam kelas sewaktu proses Apresiasi Seni dijalankan. Antara suasana yang wujud ketika sesi Apresiasi Seni dijalankan oleh guru ialah bising, ceria, saling berkomunikasi dan tidak terkawal. Berdasarkan jadual 4.4 di atas, kita dapat saksikan bagaimana suasana saling berkomunikasi antara pelajar telah dipilih oleh responden seramai 35 orang dengan peratusan sebanyak 70%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, jumlah ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pilihan responden yang menyatakan bahawa suasana ceria, bising dan tidak terkawal wujud di dalam kelas ketika sesi Apresiasi dijalankan. Seramai 8 responden atau 16% menyatakan wujud suasana ceria manakala seramai 5 responden atau 10% pula menyatakan wujudnya suasana bising dan 2 responden atau 4% menyatakan wujud suasana tidak terkawal di dalam kelas.

Hasil daripada dapatan soal selidik yang dilakukan oleh penulis, maka SSP7 boleh dijadikan ukuran terhadap apresiasi pelajar terhadap karya seni. Jadual 4.8 dibawah adalah rangkuman kepada SSP7.



Jadual 4.8 : Penglibatan Pelajar Sewaktu Sesi Apresiasi Seni

Jadual 4.8 di atas menunjukkan peratusan penglibatan pelajar dalam sesi Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan. Antara pilihan jawapan yang disediakan ialah seringkali, kadang-kadang dan tidak pernah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut dapatan daripada kajian soal selidik tersebut, seramai 33 responden ataupun 66% responden telah menyatakan bahawa merek seringkali terlibat dalam sesi Apresiasi Seni yang telah dijalankan oleh guru sama ada di dalam bilik darjah ataupun di luar bilik darjah.

Jumlah ini adalah lebih tinggi jika hendak dibandingkan dengan jawapan pilihan responden yang kadang-kadang terlibat dalam sesi Apresiasi Seni yang dijalankan oleh guru. Seramai 17 responden ataupun 34% memberikan jawapan yang mereka terlibat secara kadang-kadang dalam sesi ini manakala pilihan jawapan yang disediakan untuk tidak pernah terlibat dalam sesi Apresiasi Seni tidak ada. Ini bermakna setiap pelajar pernah terlibat ataupun mengambil bahagian dalam sesi Apresiasi Seni yang telah dijalankan.

Gambaran ini adalah bersesuaian jika kita mengambil kira pemerhatian yang telah dilakukan oleh penulis dalam kelas sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. BPG1, BPG2 dan BPG3 terdapat aktiviti Apresiasi Seni yang telah dilakukan oleh guru walaupun pada waktu yang berlainan. BPG1 melakukan sesi Apresiasi Seni pada BPG1-3 sehingga BPG1-10 iaitu pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran. Untuk sesi ini, guru telah mengambil masa kira-kira 15 minit. Sementara itu BPG2 pula melakukan sesi Apresiasi Seni pada peringkat akhir sesi pengajaran dan pembelajaran iaitu pada BPG2-14 iaitu pada jam 09.50 pagi dan berakhir pada BPG2-19 yang mengambil masa kira-kira 10 minit sahaja. Begitu juga dengan BPG3 yang turut menjalankan sesi Apresiasi Seni pada waktu akhir sesi pengajaran dan pembelajaran yang mengambil masa kira-kira 12 minit iaitu pada BPG3-15 dan berakhir pada BPG3-18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Perbincangan

Perbincangan yang seterusnya adalah berfokuskan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah dipilih.

Sekolah yang terpilih dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud, Raub, Pahang (SEMUDRA). Fokus kajian ini ialah tentang pelaksanaan Apresiasi Seni dikalangan pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini mendasari pelaksanaan Apresiasi Seni yang memfokuskan kepada pelajar dan guru di sekolah terpilih terutamanya sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung.

Seramai 53 responden telah terpilih dalam kajian ini yang merangkumi responden yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah terpilih. Jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 50 orang iaitu pelajar dalam tingkatan 4 dan 5 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajran elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sememtara itu seramai 3 orang guru juga diambil sebagai sempel kajian dalam kes ini.

Kajian ini juga memfokuskan tindakan dan usaha yang dilakukan oleh guru untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar terhadap karya seni yang mereka hasilkan dengan memfokuskan kepada sesi Apresiasi Seni. Untuk itu, guru telah menjadikan karya pelajar sebagai pilihan untuk diapresiasikan oleh kawan-kawan dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan yang aktif sewaktu proses Apresiasi berlangsung memberikan gambaran bahawa pelajar berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan berusaha untuk menambah ilmu yang dipelajari. Walaupun begitu terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak menguasai teknik-teknik dalam memberikan kritikan dan Apresiasi Seni tetapi terdapat kawan-kawan yang sudi membantu.

Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan satu usaha yang dilakukan oleh penulis untuk mencari pendekatan ke arah memberikan kesedaran kepada pelajar tentang mutu dan nilai sesebuah karya. Ini akhirnya akan membantu pelajar berkenaan apabila dewasa nanti boleh menerima dan mengetahui nilai sesebuah karya seni yang dihasilkan berdasarkan aspek-aspek tertentu dalam berkarya yang menjurus kepada kepentingan karya tersebut kepada penggiat dan penghayat seni di negara kita

Seterusnya dalam Bab 5 nanti, pengkaji akan membincangkan perbincangan dan cadangan daripada dapatan kajian mengikut persoalan kajian. Di samping itu, pada akhir kajian ini pengkaji akan menyarankan beberapa cadangan untuk mengatasi kelemahan dan penguasaan Apresiasi Seni di kalangan pelajar. Pengkaji juga akan menyarankan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan dibincangkan hasil dapatan yang telah dianalisis dalam bab 4. Berdasarkan dapatan daripada kajian tersebut, perbincangan dan cadangan akan dikemukakan. Analisis data yang diperolehi akan digunakan untuk merumuskan hasil kajian ini bagi meninjau tajuk yang dibincangkan iaitu Apresiasi Seni di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Raub dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Kesimpulan

Hasil analisis terhadap penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru dalam aspek yang dikaji ini adalah tinggi. Guru yang terlibat dapat menyatakan maklumat dan apa yang berkaitan dengan Apresiasi Seni dengan baik. Para guru dapat menjawab setiap soalan yang dikemukakan serta melalui pemerhatian oleh pengkaji mendapati guru menguasai Apresiasi Seni dengan baik.

Selain itu pengetahuan pelajar dalam aspek Apresiasi Seni ini juga masih lagi lemah. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian yang mendapati seramai 12 responden atau 40% sahaja yang berjaya menjawab maksud Apresiasi Seni dengan baik. Selebihnya seramai 18 responden atau 60% tidak dapat menjawab soalan mengenai maksud Apresiasi Seni dengan baik.

Beberapa faktor yang memberikan impak terhadap minat dan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual telah dikenal pasti. Antaranya ialah kerana kekurangan waktu mengajar guru dalam mata pelajaran Pendidikan Seni dalam masa seminggu. Keadaan ini boleh menyebabkan ilmu dan maklumat yang banyak mengenai mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak dapat disampaikan dengan sebaiknya kepada pelajar.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa aktiviti yang dilakukan oleh guru sewaktu sesi apresiasi Seni iaitu mengambil karya pelajar untuk dijadikan bahan Apresiasi Seni telah memberikan semangat dan keinginan kepada pelajar untuk turut serta mengambil bahagian dalam sesi Apresiasi Seni ini. Seramai 20 orang responden atau 66.7% telah menyatakan bahawa mereka gembira apabila guru menjadikan karya mereka sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan untuk dibuat Apresiasi. Selebihnya seramai 9 orang pelajar atau 30% menyatakan mereka merasa takut sekiranya guru mengambil karya mereka.

Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa pelajar lemah dalam Apresiasi Seni kerana pelajar tersebut tidak ingin mencuba mengambil bahagian ketika sesi tersebut dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan guru telah menjalankan sesi Apresiasi Seni kepada pelajar walaupun bukan setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Walaupun demikian, hasil analisis responden dalam borang soal selidik mendapati pelajar berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

5.3 Cadangan Mengatasi Kelemahan Penguasaan Apresiasi Seni Pelajar

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar masih lemah dalam Apresiasi Seni. Beberapa gambaran telah dikenalpasti yang menyebabkan timbulnya masalah ini. Justeru berikut akan penulis bincangkan cara-cara untuk mempastikan Apresiasi Seni menjadi satu cabang yang membantu pelajar dalam menarik pelajar untuk lebih mendalami Pendidikan Seni Visual.

a. Pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) perlu memainkan peranan dengan menjadikan bidang Apresiasi Seni sebagai satu bidang yang penting dalam pengajaran seni tingkatan 4 dan 5
b. Guru seharusnya memberikan pendedahan yang lebih luas kepada pelajar sesuai dengan kemahiran yang dimiliki oleh guru berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Sesi Apresiasi Seni perlu dilakukan dengan lebih kerap untuk memberikan lebih pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar.

d. Pihak kementerian perlu memperbanyakkan sekolah seni. Setiap negeri dicadangkan mempunyai sebuah sekolah seni.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan satu kajian yang melibatkan 53 orang responden iaitu 50 orang pelajar dan 3 orang guru. Penulis mencadangkan satu penyelidikan yang melibatkan lebih ramai pelajar untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat dan keputusan yang bakal di terima akan lebih jelas.

Selain itu penulis juga mencadangkan supaya kajian seterusnya dilakukan yang melibatkan lebih banyak sekolah. Perlu juga dilakukan kepada sekolah yang terdapat di dalam daerah dan juga diperingkat negeri pada masa depan supaya kajian ini lebih bersifat objektif. Hanya dengan cara demikian gambaran yang sebenar tentang tahap penguasaan Apresiasi Seni pelajar dapat dikenal pasti.

Di samping itu, beberapa faktor yang turut mempengaruhi dan menjadi penyebab utama hasil kajian perlu dimasukkan dalam kajian kelak supaya menjadikan aspek kajian ini lebih jitu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A. BUKU

A.A.M Djelantik (1999). *Estetika : Sebuah Pengantar.* Bandung : Penerbitan Masyarakat Seni Pertunjukan Indonesia.

Agus Sachari (2002). *Estetika : Makna, Simbol dan Daya.* Bandung : Penerbit ITB

Ahmad Suhaimi b Mohd Noor (2000). *Keberkesanan Pengajaran Dalam Konteks Pendidikan Seni.* UPSI Tanjung Malim : Percetakan Warni Kuala Lumpur.

Ahmad Suhaimi b Mohd Noor (2000). Kritikan Seni di Malaya : Tahun-tahun 1950-an dalam *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual.* Kuala Lumpur : SI/PPK/BSLN.

Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan.* Malaysia : McGraw-Hill Inc.

David Kaplan & Albert A. Manners (1999). *Teori Budaya.* Yogyakarta : Penerbit Pustaka Pelajar

Dr. Dimyati & Drs. Mudjiono (1999). *Belajar Dam Pembelajaran.* Jakarta : Penerbitan PT Rineka Cipta.

Ee Ah Meng (1988). *Pedagogi Untuk Bakal Guru.* Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1995). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak : Asas Pendidikan 4.* Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fraenkel, J.R. & Wallen N.E. (2000). *How Do Design Evaluation Research in Education.* (4th ed.) San Francisco : McGraw-Hill Inc.

Juju Masunah & Tati Narawati (2003) dengan Pengantar Prof. Dr. R.M. Soedarsono. *Seni Dan Pendidikan Seni.* Indonesia : Penerbitan P4ST UPI.

Mazlan b Mohamad (1997). *Pendidikan Seni 1: Kurikulum Pendidikan Seni.* Kuala Lumpur : Kumpulan Seniman Sdn Bhd.

Mazlan b Mohamad (1997). *Pendidikan Seni 2: Kurikulum Pendidikan Seni.* Kuala Lumpur : Kumpulan Seniman Sdn Bhd.

Md Nasir Ibrahim , Prof Madya Iberahim Hassan (2003). *Pendidikan Seni Untuk Maktab dan Universiti.* Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Miles, Matthew B. & Huberma A.Micheal terjemahan oleh Tjetjep Rohendi Rohidi (1992). *Analisis Data Kualitatif.* Jakarta : Penerbit Universitas Indonesia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan.* Johor Darul Takzim : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Johari Ab. Hamid (2004). *Falsafah dan Kritikan Seni.* Perak Darul Ridzuan : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods.* (2nd ed.) Beverly Hills, CA : Sage Publications

Prof. Dr. S. Nasution, MA. (1997). *Berbagai Pendekatan Dalam Proses Belajar Dan Mengajar.* Jakarta : Penerbitan Bumi Aksara.

Prof. R. M. Soedarsono, Ph.D. (1992). *Penghantar Apresiasi Seni.* Jakarta : Penerbitan Balai Pustaka.

Ramlah Jantan & Mahani Razali (2004). *Psikologi Pendidikan – Pendekatan Kontemporari.* Perak Darul Ridzuan : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saini K. M (2001). *Taksonomi Seni.* Bandung : STSI Press Bandung.

Soedarso S.P (1990). *Tinjauan Seni : Sebuah Penghantar Untuk Apresiasi Seni.* Yogyakarta : Penerbitan Saku Dayar Sana Yogyakarta.

Stake, R.E. (1995). *The Art of Case Study Research.* Thousand Oaks, CA. : Sage Publications

Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tjetjep Rohendi Rohidi (2000). *Ekspresi Seni Orang Miskin : Adaptasi Simbolik Terhadap Kemiskinan.* Bandung : Yayasan Nuansa Cendikia dan Ford Foundation.

Yin, R.K. (1987). *Case Study Research : Design and Methods.* Beverly Hills, CA. : Sage Publications

Zakaria Ali (1989). *Seni dan Seniman : Esei-esei Seni Halus.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

B. RUJUKAN JOURNAL / MAJALAH / AKHBAR

Jamaludin Mohaiadin, Dato'Dr. (2001). *Pembestarian Pendidikan Berteraskan Penyelidikan. Kertas Seminar Penyelidikan Pendidikan 2001, Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Sg Petani, Kedah.*

C. TESIS

Abdul Aziz b Zalay / Zali (2004). *Satu Tinjauan Terhadap Courseware Yang Telah Dibangunkan Bertajuk "Pengenalan Kepada Reka Bentuk Poster"Terhadap pelajar Grafik Di Fakulti Seni Dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.* Perak : Tesis Tidak Dikeluarkan

Achmad Sopandi Hj Hassan (2002). *Kajian Tentang Keberkesanan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Menghasilkan Produk Batik Menggunakan Bahan Warna Alam Semulajadi Di Kalangan Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris.* Perak : Tesis Tidak Dikeluarkan

Mohd Kamal Mat Yusof (2003). *Pembelajaran Reka Benruk Grafik Berbantukan Komputer Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual : Satu Kajian Kes Tentang kesediaan Belajar pelajar Dan Guru Seni.* Perak : Tesis Tidak Dikeluarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran 1

Borang Pemerhatian Guru 1 (BPG1)

Tarikh : 12/02/07

Masa : 10.00 – 11.20 pg

Tingkatan : 5 Amanah

Tajuk : Lukisan Perspektif

Catatan Pemerhatian	Catatan
BPG1-1 : Guru memasuki kelas dengan memberi salam BPG1-2 : Pelajar memberi hormat dan memulakan pengajian dengan membaca doa BPG1-3 : Guru meminta seorang pelajar membantunya untuk menampal beberapa karya yang telah dihasilakan oleh pelukis tempatan. BPG1-4 : Seorang pelajar datang ke hadapan BPG1-5 : Guru memberikan langkah membuat apresiasi dengan betul terhadap karya yang dipamerkan BPG1-6 : Beberapa pelajar cuba membuat apresiasi terhadap karya yang dipamerkan. BPG1-7 : Guru meminta beberapa orang pelajar supaya datang ke hadapan dan menunjukkan hasil karya minggu lepas. BPG1-8 : Seorang pelajar datang ke hadapan dengan	Pelajar memberikan hormat kepada guru Masa : 10.05 pg Pelajar berani tampil ke hadapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membawa karya yang dihasilkan pada minggu lepas BPG1-9 : Guru meminta pelajar memberikan ulasan apresiasi terhadap karya tersebut BPG1-10 : Beberapa pelajar lain cuba memberikan apresiasi BPG1-11 : Guru meminta pelajar yang memberikan apresiasi kembali ke tempat duduk BPG1-12 : Pelajar lain memberikan ulasan terhadap karya tersebut BPG1-13 : Guru memberikan ulasan terhadap karya dan meminta pelajar yang lain memberikan ulasan memberikan perhatian dan tumpuan terhadap Asas Seni Reka. BPG1-14: Seorang pelajar perempuan bangun dan memberikan ulasan karya berdasarkan Asas Seni Reka berdasarkan karya yang diberikan BPG1-15: Guru meminta agar pemilik karya itu datang dan mengambil karya untuk disimpan. BPG1-16: Guru memulakan sesi pengajaran seterusnya dengan menjurus kepada pengajaran yang dirancangkan iaitu Lukisan Perspektif BPG1-17: Guru memberikan arahan terhadap tugasan baru BPG1-18: Guru menunjukkan contoh hasil karya yang telah di bawa. BPG1-19: Pelajar memberikan perhatian dengan penuh minat	Pelajar mengangkat tangan tanda ingin mencuba Pelajar dapat kuasai Asas Seni Reka Masa : 10.20 pg

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BPG1-20: Guru meminta pelajar melukis gambaran yang lain tetapi dari sudut perspektif BPG1-21: Pelajar mengeluarkan alatan yang telah diarahkan bawa dari rumah. BPG1-22: Pelajar memulakan lukisan gambaran dari sudut perspektif BPG1-23: Guru memberikan bantuan kepada beberapa pelajar yang sukar menguasai lukisan perspektif BPG1-24: Pelajar lain menyiapkan tugasan. BPG1-25: Guru meminta pelajar yang telah siap tugasan agar membersihkan kawasan sekitar masing-masing. BPG1-26: Pelajar menurut arahan yang telah diberikan oleh guru BPG1-27: Loceng berbunyi sebelum pelajar dapat menyiapkan catan yang diarahkan dan guru meminta karya itu disambung pada minggu hadapan.	Tamat sesi p & p

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lampiran 2

Borang Pemerhatian Guru 2 (BPG2)

Tarikh : 26/02/07

Masa : 07.40 – 09.00 pagi

Tingkatan : 4 Bestari

Tajuk : Catan

Catatan Pemerhatian	Catatan
BPG2-1 : Guru masuk ke kelas dan pelajar memberi salam. BPG2-2 : Pelajar bangun dan memberikan hormat kepada guru	Pelajar menghormati guru
BPG2-3 : Guru meminta pelajar mengeluarkan tugasan yang telah dibuat pada minggu sebelumnya	Pelajar membuat kerja masing-masing
BPG2-4 : Pelajar mengeluarkan tugasan sebelumnya dan menyiapkan karya yang belum siap. BPG2-5 : Guru memantau aktiviti pelajar sambil memberikan bantuan dan bimbingan BPG2-6 : Terdapat pelajar yang mewarna selain ada juga pelajar yang masih dalam proses menyiapkan lukisan.	
BPG2-7 : Terdapat pelajar yang datang kepada guru untuk bertanyakan karya yang dihasilkan. BPG2-8 : Guru memberikan penerangan sambil menconteng dan melukis pada kertas lukisan pelajar.	Guru memberikan bantuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BPG2-9 : Beberapa pelajar yang lain datang memerhatikan guru melukis pada kertas lukisan kawan mereka. BPG2-10: Pelajar meneruskan aktiviti masing-masing. BPG2-11: Pelajar yang telah siap mewarna diarahkan agar menjemur karya tersebut di luar kelas. BPG2-12: Terdapat pelajar yang membersihkan kesan dan alatan mewarna. BPG2-13: Pelajar yang telah kering karyanya diminta agar dibawa masuk ke dalam kelas untuk diapresiasikan BPG2-14: Guru menunjukkan karya yang telah siap dan meminta wakil pelajar memberikan Apresiasi Seni terhadap karya yang ditunjukkan. BPG2-15: Pelajar memberikan respon terhadap persoalan guru. BPG2-16: Terdapat pelajar yang tidak memberikan respon BPG2-17: Guru memanggil seorang pelajar lelaki untuk memberikan Kritikan dan Apresiasi terhadap karya tersebut tetapi pelajar itu tidak dapat menjawab soalan yang diberikan oleh guru. BPG2-18: Seorang pelajar lelaki bangun untuk menjawab sambil menolong kawannya yang tidak dapat menjawab. BPG2-19: Guru mengucapkan tahniah di atas kerjasama yang diberikan oleh pelajar dan menamatkan sesi pengajaran hari	Sesi Apresiasi Seni Masa : 08.50 pagi Tamat sesi Apresiasi Seni jam 09.00 pagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

